

BULETIN UTHM

Bil.2 Februari 2024 | ISSN 2232-0415



MAJLIS AMANAT NAIB CANSELOR

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Selasa, 6 Februari 2024 | 9.00 Pagi

Pusat Konvensyen Kemudahan Guna Sama
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh

Memperkukuh Ekosistem
TVET dan Digital



**Naib Canselor UTHM seru warga kampus
untuk sedia berubah,
perkukuh Ekosistem TVET dan Digital**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Naib Canselor UTHM seru warga kampus untuk sedia berubah, perkukuh Ekosistem TVET dan Digital
- 3 Profesor Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin dilantik Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM
- 4 Aplikasi UTHMDigital tingkat kualiti perkhidmatan dalam talian
- 5 MTE 2024: UTHM pertaruh 10 produk, bawa pulang 10 pingat
- 6 UNITECH terajui pusat latihan dan servis kenderaan konvensional dan elektrik
- 8 UTHM dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa lancar 'Peta Kerjaya'
- 9 UTHM kongsi ilmu teknologi roket perum kepada 52 pelajar sekolah
- 11 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Naib Canselor UTHM seru warga kampus untuk sedia berubah, perkukuh Ekosistem TVET dan Digital

BATU PAHAT - Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim menyeru warga kerja Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) agar bersedia untuk berubah dalam usaha memperkukuh Ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan Digital seperti yang digariskan dalam Rangka Masa Pelan Strategik 2021-2025.

Bagi menyuntik semangat tahun baharu, Dato' Ruzairi telah menyampaikan beberapa pesanan kepada seluruh warga universiti ketika berlangsungnya Majlis Amanat Tahun 2024 melalui platform *online* dan fizikal pada 6 Februari lalu bertempat di Pusat Konvensyen, Kemudahan Guna Sama Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, UTHM kampus cawangan Pagoh.

Menurut beliau, UTHM telah menetapkan bahawa tahun 2024 ini sebagai fasa pecutan dalam memperkukuhkan Ekosistem TVET dan Digital selari dengan perubahan teknologi baharu yang semakin pesat.

Justeru, beliau menyeru warga kerja agar sedia untuk berubah dalam menghadapi perubahan ekosistem pekerjaan yang semakin dinamik dan kompleks.

"Pada tahun 2024 ini saya mengharapkan warga kampus lebih terbuka menerima idea baharu, lebih fleksibel dengan kepelbagaian pendekatan kerja, tidak takutkan perubahan, mempunyai inisiatif untuk terus belajar perkara baharu, berani mengambil risiko yang terkawal, sentiasa bersikap positif dan mempunyai kesedaran diri yang tinggi," katanya.

Selain itu, Dato' Ruzairi turut menitipkan tujuh hikmah untuk dihayati warga kampus dalam menerajui universiti iaitu **KEBERSAMAAN** seluruh warga universiti, pengamalan **BUDAYA POSITIF** seperti **Sayangi UTHM - Kami UTHM, KESEDIAAN UNTUK BERUBAH** dan **BOLEH DITEGUR**, keperluan pelaksanaan **EKOSISTEM KAMPUS MENYELURUH** khususnya kepada para pelajar, peranan setiap warga kerja sebagai **PEMUDAHCARA**, selain terus fokus kepada **NILAI** dan **INTEGRITI** ke arah lebih baik, serta

amalan berterusan untuk belajar dan memperbaiki diri melalui PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT.

Dalam amanatnya, Dato' Ruzairi turut berkongsi lima fokus utama Kementerian Pengajian Tinggi yang perlu diberi perhatian seluruh warga iaitu Penyediaan Bakat Terbaik Negara, Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi, Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pindahan dan Perkongsian Ilmu, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi dan Pementapan Ekosistem Pemboleh Daya.

Program anjuran bersama Pejabat Strategik dan Pengurusan Risiko serta Pejabat Pentadbiran UTHM Kampus Cawangan Pagoh itu turut melibatkan kehadiran Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Prof. Dr Yusri Yusof, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Profesor Madya Dr. Afandi Ahmad serta Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Turut berlangsung, penyerahan Buku SKTU 2024 UTHM oleh Naib Canselor kepada Ketua Fokus, penyerahan buku Pelan Pengurusan Halal UTHM (PPHU) 2027 kepada Naib Canselor, sesi penyampaian sijil penghargaan kepada penulis rencana akhbar tertinggi UTHM dan penyampaian 'Mock Check' hasil sumbangan pihak Koperasi UTHM Berhad kepada wakil pelajar UTHM.

“Ayuh kita bersaudara - kita Keluarga UTHM. Bersama-sama kita mengenggam awan – sampailah ke angkasa – kita takhluk dunia dengan solusi menerusi tranformasi teknologi bersama industri, juga komuniti. Namun jangan lupa tetaplah mengakar dan membumi.” (Ruzairi, 2024)

Kembali dan hayatilah nilai bersama UTHM iaitu **Amanah, Profesional, Inovatif.**



Profesor Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin dilantik Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM



BATU PAHAT, 2 Feb 2024 – Profesor Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang baharu bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa pada 1 Februari 2024 sehingga 30 Januari 2026.

Pelantikan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir itu adalah bagi mengisi jawatan yang sebelum ini disandang oleh Profesor Dr. Azme Khamis yang telah tamat tempoh lantikannya.

Menyingkap kepimpinannya yang terdahulu, Prof. Shahrudin sebelum ini berkhidmat sebagai Dekan Pusat Pengajian Siswazah (CGS).

Sebelum itu, beliau merupakan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) dari tahun 2015 sehingga tahun 2020.

Untuk rekod, Prof. Shahrudin memperoleh Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1999.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Mekanikal di Sharp-Roxy Electronics Corporation (SREC) Sdn. Bhd. pada Januari 1999, sebelum mula berkhidmat di UTHM pada Ogos 2002.

Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) di University of Sheffield, United Kingdom (UK) dan memperoleh ijazah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada tahun 2007.

Prof. Shahrudin turut menganggotai beberapa badan tempatan dan antarabangsa antaranya Chartered Engineer (CEng) of the Institution of Materials, Mining and Minerals (I-M3), UK dan juga ahli Board of Engineers (BEM) Malaysia.

Selain itu, Profesor dari FKMP itu juga turut menyelia Program Pasca Siswazah dari tahun 2021 sehingga kini.

Beliau juga merupakan Penyelidik Utama di Centre for Non-Destructive Testing (CeNDTec) dan Penyelidik Gabungan di Functional Composites Structure (FCS) dan Structural Integrity and Monitoring Research Group (SiMREG).

Kesibukan harian tidak menghalang beliau untuk terus berkongsi ilmu menerusi pelbagai penerbitan teknikal dalam jurnal bereputasi tinggi dan juga prosiding.

Fokus bidang penyelidikannya bertumpu kepada bidang 'Damage Detection, Composites and Structural Health Monitoring,' selain turut menyelia puluhan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah.

Sehingga hari ini, beliau telah menyelia 11 pelajar PhD, sembilan pelajar sarjana dan lebih daripada 65 pelajar program sarjana muda.

Sementara itu, Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim mewakili seluruh warga UTHM mengucapkan tahniah atas pelantikan tersebut dan berharap Prof. Shahrudin dapat menyumbang idea, tenaga dan kepakarannya demi membantu meningkatkan kecemerlangan universiti.



Aplikasi UTHMDigital tingkat kualiti perkhidmatan dalam talian

BATU PAHAT – Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam talian, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Teknologi Maklumat telah melancarkan aplikasi digital rasmi universiti dikenali sebagai UTHMDigital pada 3 Mac 2024 lalu bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Aplikasi UTHMDigital merupakan satu platform digital yang dibangunkan bertujuan menyediakan akses setempat pelbagai sistem kepada staf UTHM dalam menjalankan tugas seharian.

Platform tersebut mampu memudahkan akses dan pengurusan tugas yang lebih efisien sekali gus berupaya meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam talian sebagai salah satu objektif pendigitalan kerajaan seperti yang dinyatakan dalam rangka kerja myDigital.

UTHMDigital tersebut juga mampu menyokong pelbagai persekitaran platform dan peranti serta mempunyai ciri keselamatan dengan menggunakan kaedah autentikasi *Single Sign On* (SSO).

Aplikasi itu akan diperluaskan capaian oleh pelbagai sistem bagi memastikan penyampaian perkhidmatan setiap pusat tanggungjawab dapat dipertingkat dan dimanfaatkan dalam mencapai agenda pendigitalan UTHM.

Majlis pelancaran UTHMDigital telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan

Antarabangsa), Profesor Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin selaku wakil rasmi Naib Canselor.

Beliau dalam ucapannya berkata penggunaan platform UTHMDigital ini sebagai satu langkah ke hadapan dalam menyokong dan menerajui era digital yang semakin pesat membangun.

“Inisiatif berterusan seumpama ini akan membantu universiti mencapai misinya terutama dalam merealisasikan *Digital TVET Transformation* pada tahun 2025,” katanya.

Hadir sama menyaksikan pelancaran tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Digital Universiti, Profesor Ir. Dr. Yusri Yusof; Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Hasry Harun dan Penolong Naib Canselor (Digital Dan Infrastruktur)/Ketua Pegawai Digital, Profesor Ir. Dr. Md Saidin Wahab.





MTE 2024: UTHM pertaruh 10 produk, bawa pulang 10 pingat

KUALA LUMPUR, 24 Februari 2024 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencipta rekod apabila berjaya membawa pulang 10 pingat hasil penyertaan 10 produk penyelidikan ketika menyertai pameran Malaysia Technology Expo 2024 (MTE 2024) yang telah berlangsung pada 22 hingga 24 Februari 2024 di Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur.

UTHM telah berjaya meraih tiga pingat emas dan tujuh pingat perak serta satu anugerah khas daripada Japan Intellectual Property Association (JIPA) melalui penyertaan produk hasil penyelidikan pensyarah-pensyarah dari pelbagai fakulti.

Kejayaan ini membuktikan bahawa aktiviti penyelidikan di UTHM mampu menarik perhatian umum sekali gus mampu bersaing dengan universiti ternama lain di negara ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad bagi menyantuni serta memberi sokongan kepada penyelidik UTHM.

MTE 2024 kali ini mempamerkan lebih 500 penyelidikan secara mod hibrid oleh penyelidik universiti, pusat penyelidikan dalam dan luar negara, sekolah rendah dan menengah, termasuklah sektor swasta dari lebih 10 negara antaranya Indonesia, Arab Saudi dan Hong Kong.

Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) UTHM, Prof. Ts. Dr. Norzila Othman turut mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan semua penyelidik yang telah menyertai MTE 2024.

Beliau berkata pameran ini bukan sekadar memenangi pingat, tetapi merupakan salah satu platform dalam membentuk rangkaian kerjasama bersama pemain industri dan agensi luar untuk kemajuan penyelidikan dan inovasi sekali gus meluaskan lagi kepakaran penyelidik.



UNITECH terajui pusat latihan dan servis kenderaan konvensional dan elektrik

Teknologi automotif yang semakin berkembang pesat di samping keperluan kepada mobiliti yang lestari telah mendorong Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menubuhkan sebuah pusat servis kenderaan iaitu UNITECH AUTOWORK SOLUTIONS (UNITECH) yang berkonsepkan 'in-house centre.'

UNITECH telah ditubuhkan dengan fokus utama sebagai penyedia perkhidmatan pembaikan dan pengujian kecekapan kenderaan yang bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Sri Ibrahim Ahmad pada tahun 2021, UNITECH digerakkan oleh 15 tenaga kerja yang berpengalaman selama lebih 20 tahun dalam pelbagai cabang automotif.

Ini kerana pengalaman, kecekapan dan pengetahuan dalam bidang automotif amat diperlukan bagi memastikan pelanggan mendapat servis yang optimal.

Menurut Pengarah Urusan UNITECH, Dr. Md Norrizam Mohamad Ja'at @ Mohd Noh, UNITECH menawarkan perkhidmatan pembaikan yang cekap dan berkualiti bagi menjadikan ia sebagai pilihan utama pemilik kenderaan dalam kalangan warga UTHM dan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh yang mencari kepakaran penyelenggaraan dan pembaikan spesifik untuk kenderaan mereka.

"Di samping memberikan perkhidmatan dalam membaiki dan menguji kereta konvensional, UNITECH turut mendukung peralihan kepada kenderaan elektrik yang semakin mendominasi pasaran," katanya.

Perkembangan dan transformasi yang begitu cepat telah mendorong UNITECH untuk turut menyediakan dan melahirkan tenaga kerja yang berkualiti tinggi.

Ini kerana transformasi dalam bidang automotif ini boleh dicapai melalui penyatuan pengetahuan dan kemahiran.

Komitmen dalam melahirkan pelatih yang mahir dalam bidang industri automotif, UNITECH turut memberikan penekanan terhadap latihan industri kepada pelajar, yang membolehkan mereka mendapat pengalaman praktikal yang berharga di bawah bimbingan profesional dengan menggunakan teknologi yang terkini.

"Terorong untuk membina bakat yang segar, pelajar akan mendapat akses dan pengalaman menggunakan peralatan terkini dalam membolehkan mereka memahami aspek teknikal yang kompleks dalam bidang ini.

"Seterusnya sebagai satu inisiatif dalam membuka peluang pekerjaan kepada pelajar selepas menamatkan latihan mereka," tambah beliau.

Di samping komitmen dalam penyediaan latihan dan servis kenderaan, UNITECH juga berkomitmen untuk berada di barisan hadapan dalam penyelidikan dan inovasi bidang automotif bagi meningkatkan prestasi kenderaan elektrik dan menyumbang kepada pembangunan teknologi hijau.

Ini menjadikan UNITECH sebagai satu organisasi yang mempunyai kelebihan kompetitif di samping mencerminkan tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar.

“Dengan memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi dan latihan industri, UNITECH bukan sahaja menjadi teraju dalam industri automotif, tetapi mengukuhkan peranan dalam pembentukan masa depan yang berkesan,” kata Dr. Norrizam.

Ditulis oleh

Dr. Mohd Faisal Bin Hushim
Timbalan Pengetua 1
Kolej Kediaman Kampus Pagoh
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
mdfaisal@uthm.edu.my
012-6725803





UTHM dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa lancar 'Peta Kerjaya'

BATU PAHAT, 5 Feb 2024 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah melancarkan 'Peta Kerjaya' bagi bidang Perkhidmatan Makanan melalui penganjuran Program Global Partnership Initiative: Navigate Your Future and Launching of Career Progression Map in Food Services Industry pada bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), kampus induk.

Program yang disokong oleh Yayasan Standard Chartered (SCF) itu dilaksanakan dengan kerjasama pihak Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dan Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL (PPBA), UTHM serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Ketua Projek Young FutureMakers, Prof. Madya Ts. Dr. Affero Ismail, program tersebut dianggap sebagai tindak balas yang positif oleh UTHM dan ILO terhadap krisis Covid-19 yang telah memberi kesan kepada pasaran buruh di Malaysia, terutama dalam kalangan belia dan golongan wanita.

"Pelaksanaan projek *Young Futuremakers Malaysia* pada tahun 2022-2023 oleh ILO dengan kerjasama SCF diharap dapat membantu negara mengatasi cabaran untuk meningkatkan kebolehpasaran golongan muda dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM) di Malaysia," katanya.

UTHM yang mengetuai projek tersebut telah menyumbang kepada pembangunan peta kemajuan kerjaya dalam industri perkhidmatan makanan.

Pada majlis yang sama, MYFutureJobs juga mengambil peluang untuk membincangkan peta kemajuan kerjaya dengan lebih terperinci, khususnya berkaitan dengan hala tuju dan peluang kerjaya pada masa hadapan bersama pelajar.

Inisiatif yang diambil UTHM dan ILO itu diharap dapat menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang mampan pada masa depan, selain menyokong usaha negara dalam membantu belia termasuk golongan wanita, dalam meningkatkan kesedaran mengenai peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan makanan.

Turut hadir ke majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin wakil rasmi Naib Canselor UTHM, Pakar Pekerjaan Belia, Unit Analisis Ekonomi dan Sosial Wilayah, Pejabat Serantau ILO untuk Asia Pasifik, Felix Weidenkaff, wakil Yayasan Standard Chartered (SCF) serta wakil UTHM, industri serta institusi pengajian tinggi setempat.



UTHM kongsi ilmu teknologi roket perum kepada 52 pelajar sekolah

BATU PAHAT, 4 Feb 2024 – Bagi menyemai minat pelajar sekolah terhadap bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), Research Centre for Unmanned Vehicle (ReCUV) dan Aerodynamics and Propulsion Research (APR), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengadakan satu program perkongsian ilmu bertajuk “*Rocket for Education*” melibatkan pelajar sekolah menengah sekitar daerah Batu Pahat.

Program dengan kerjasama High Energy Material Research Laboratory (HEMREL), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat itu telah diadakan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah manakala aktiviti pelancaran roket pula dilaksanakan di Padang C, kampus induk.

Menurut ketua program, Dr. Ahmad Hamdan Ariffin, program yang melibatkan penyertaan 24 sekolah sekitar daerah Batu Pahat itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan teknologi dan proses pembuatan roket perum, iaitu sebuah roket yang digunakan untuk menghantar barang ke ruang angkasa lepas.

“Kandungan program turut meliputi sejarah teknologi roket, proses penilaian reka bentuk menggunakan perisian *Open Rocket*, pengenalan

kepada *telemetry* serta pembuatan dan penggabungan roket perum,” katanya.

Sepanjang program berlangsung, seramai lapan fasilitator terdiri daripada pelajar sarjana muda FKMP telah membimbing 52 peserta bagi menghasilkan roket perum.

Program itu juga dirangka sebagai salah satu inisiatif FKMP menyokong hasrat UTHM untuk menyebarkan ilmu kepada komuniti.

Hasil perkongsian ilmu tersebut akan diaplikasikan oleh peserta sebagai persediaan menyertai pertandingan *Malaysia Rocket Competition 2024* (MRC 2024) yang akan diadakan pada 3 dan 5 September akan datang bertempat di Felcra Seberang Perak, Perak.

“Inisiatif ini selari dengan hasrat UTHM menjadi universiti teknikal global dalam teknologi lestari dan pengangkutan.

UTHM akan terus komited meneroka ilmu baharu sekali gus berkongsi dengan masyarakat agar nilai keilmuan akan terus mekar dalam kalangan generasi muda,” tambah Dr. Ahmad Hamdan.

SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kejujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kejujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)




JAM KREDIT






125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN





LEPASAN STPM

-  Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

-  Gred C (2.00) Matematik
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

-  Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains
Gunaan
-  Calon yang tidak memenuhi syarat
CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai
pengalaman bekerja sekurang -kurangnya
2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA

Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahuan dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030